



كوفراسي كساتوان كوروملايو مليسيا باريت برهد

KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT BERHAD  
Bangunan KGMMB, No. 720 Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur,  
Tel: 03-40411723/25, 03-40453743/75 Fax: 03-40411730

**MINIT MESYUARAT AGUNG KOPERASI KGMMB BERHAD  
KAWASAN JOHOR KALI KE-15: 2025**

**TARIKH :** 12 April 2025  
**MASA :** 9.00 pagi  
**TEMPAT :** SMK Dato Seth, Jalan Yong Peng-Muar,  
Kampung Parit Awang, 83700, Yong Peng, Johor  
**KEHADIRAN:** 219 orang anggota

**TURUT HADIR:**

1. Cikgu Ibrahim bin Marlan Pengerusi Koperasi KGMMB Bhd
2. Cikgu Hj. Abdullah bin Mamat Timb. Pengerusi Koperasi KGMMB Bhd
3. Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin Bendahari koperasi KGMMB Bhd

**PENGACARA MAJLIS :** Cikgu Nor Fadhlina binti Abu Bakar (32275)

Mesyuarat dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu negeri Johor diikuti dengan lagu rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**AGENDA 1: DOA;**

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan Al-Fatihah dan bacaan doa oleh Cikgu Rosli bin Saman (19598) agar mesyuarat ini diberkati Allah SWT.

**AGENDA 2: UCAPAN PENERUSI KAWASAN;**

- 2.1 Pengerusi Kawasan Johor Cikgu Mohd Haszam bin Mohd Husin (30670) mengalu-alukan semua ahli KGMMB untuk menjadi anggota koperasi. Beliau menyeru anggota Johor untuk sama-sama berkempen menambah anggota koperasi.
- 2.2 Cikgu Mohd Haszam bin Mohd Husin (30670) menyatakan misi beliau bagi memastikan setiap anggota mendapat derma kematian. Di mana, derma kematian biasa sebanyak RM20,000.00 manakala bagi kematian akibat kemalangan sebanyak RM30,000.00.

### **AGENDA 3: UCAPAN WAKIL KGMMB BERHAD;**

- 3.1 Cikgu Raymee bin Md Yusop mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin serta terima kasih atas kehadiran Pengerusi Cikgu Ibrahim bin Marlan, Timbalan Pengerusi Cikgu Hj Abdullah bin Mamat, Bendahari Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin, Pengurus Besar dan semua anggota Kawasan Johor serta staf koperasi.

### **AGENDA 4: UCAPAN WAKIL KOPERASI KGMMB BERHAD;**

- 4.1 Pengerusi Koperasi KGMMB Berhad Cikgu Ibrahim bin Marlan mengalu-alukan kehadiran anggota Koperasi serta mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua yang hadir pada hari ini.
- 4.2 Pengerusi memaklumkan bahawa keuntungan koperasi pada tahun berakhir 31 Disember 2024 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu RM5,166,554.00 berbanding RM4,194,521.00 pada tahun 2023 iaitu meningkat sebanyak RM972,033.00 (23.17%). Pendapatan koperasi tahun ini ialah RM6,921,014.00 dan perbelanjaan sebanyak RM1,754,461.00. Koperasi dapat mengurangkan perbelanjaan sebanyak 33% daripada tahun sebelumnya.
- 4.3 Pengerusi memaklumkan sumber pendapatan lain koperasi ialah daripada Unit Pengguna RM251,993.00, Unit Pembangunan rugi RM86,802.00 dan Unit Hotel juga menunjukkan kerugian RM83,093.00 pada tahun 2024.
- 4.4 Pengerusi menyarankan bagi memastikan koperasi terus mencapai keuntungan, koperasi perlu mengukuhkan strategi perniagaan selain pembiayaan kepada anggota dalam pembiayaan peribadi, pembiayaan khas dan pembiayaan pengguna serta sewaan bangunan. Aktiviti perniagaan lain seperti;
  - 4.4.1 Merangka pembangunan hartanah di Lanchang, Pahang yang berkeluasan 6 ekar dalam dalam proses mendapatkan Kelulusan Merancang dan di Kampung Gemuruh, Terengganu berkeluasan 4 ekar dipecahkan kepada 18 lot dan untuk dijual kepada anggota.
  - 4.4.2 Pusat dialisis usahasama dengan MyAngkasa Dialisis Sdn. Bhd. yang mana koperasi memegang pelaburan 40% di Sg. Tong, Terengganu. Insyaallah dengan izin Allah pusat ini akan dapat dijalankan dalam tahun ini.
  - 4.4.3 Unit Hotel koperasi kita telah diserahkan pengurusannya kepada Syarikat DRH Group Sdn Bhd yang mempunyai kemahiran dalam bidang perhotelan.

- 4.5 Pengerusi memaklumkan rasa syukur kerana koperasi telah 5 kali tersenarai dalam 100 koperasi terbaik Malaysia. Bagi tahun 2024 koperasi berada dikedudukan ke-40 antara 100 koperasi terbaik di seluruh Malaysia.
- 4.6 Pengerusi seterusnya memaklumkan keanggotaan koperasi pada tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seramai 19,190 orang meningkat seramai 154 orang berbanding tahun sebelumnya iaitu 19,036 orang. Bagi memastikan Koperasi KGMMB Berhad ini kekal relevan usaha-usaha menambah keanggotaan giat dijalankan, salah satu cara ialah dimana koperasi bekerjasama dengan agen-agen insurans dan juga wakil-wakil yang dilantik dikalangan guru-guru atau orang perseorangan bagi mencapai sasaran 30,000 anggota pada tahun 2025. Koperasi menawarkan imbuhan RM30.00 dan KGMMB RM20.00 berjumlah RM50 bagi sesiapa yang berjaya membawa masuk anggota baru.
- 4.7 Pengerusi memaklumkan aktiviti utama koperasi iaitu pembiayaan sebanyak RM16,520,554.35 juta kepada anggota bagi tahun 2024 pengurangan sebanyak RM416,584.54 berbanding tahun 2023 dengan pecahan RM7,030,348.45 pembiayaan pengguna, RM4,318,750.00 pembiayaan peribadi dan pembiayaan khas sebanyak RM5,161,000.00 dan insurans kenderaan sebanyak RM10,455.90.
- 4.8 Pengerusi juga memaklumkan dalam koperasi giat menjalankan perniagaan koperasi juga tidak lupa untuk menjaga kebajikan anggota di bawah TPKA sebanyak RM1,718,840.00 telah diberikan kepada anggota bagi tahun 2024. Pecahan perbelanjaan ini ialah melanjutkan pelajaran RM460,300.00, kecemerlangan RM226,500.00, bencana alam RM9,900.00, kematian RM171,000.00, faedah hospital RM55,340.00, faedah bersara RM709,600.00 dan Haji/Umrah RM86,200.00. Mulai tahun 2019 yuran DK dinaikkan daripada RM3.00 sebulan kepada RM6.00 dan sumbangan kematian juga ditingkatkan daripada RM10,000 kepada RM20,000 untuk kematian biasa dan RM30,000 kematian akibat kemalangan.

Dengan sokongan daripada anggota dan staf diharapkan perniagaan koperasi akan terus bertambah maju dan memohon maaf jika ada salah dan silap. Akhir kata dengan lafaz Bismillah, Pengerusi merasmikan mesyuarat Agung Kawasan kali ke-15 dengan harapan mesyuarat berjalan lancar dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

#### **AGENDA 5: MELANTIK SEORANG Pengerusi MESYUARAT;**

- 5.1 Mesyuarat bersetuju melantik Cikgu Ibrahim bin Marlan (26380) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Cadangan: Cikgu Norhayati bt Surayaman (34788)  
Sokongan: Cikgu Zool Husshani bin Hassim (30937)

**AGENDA 6: MELANTIK SEORANG PENCATAT MINIT;**

- 6.1 Mesyuarat bersetuju melantik Pn. Izzah Izyan binti Jaafarudin staf ibu pejabat koperasi sebagai pencatat minit mesyuarat.

**AGENDA 7: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KAWASAN KE-14 (2024);**

- 7.1 Pengerusi membentangkan minit mesyuarat agung kawasan Johor ke-14 (2024) pada 28 April 2024 yang diadakan secara Teams Webinar.

Cadangan: Cikgu Zool Husshani bin Hassim (30937)  
Sokongan: Cikgu Muryani binti Md Yunos (35353)

**AGENDA 8: MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN DAN DERAJ AKAUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024;**

- 8.1 Bendahari koperasi membentangkan deraj akaun berakhir 31/12/2024 dari muka surat 34 hingga muka surat 41 dengan merujuk perkara berikut;
- Muka surat 34, jumlah pelaburan lain tidak dimasukkan kerana jumlah tersebut dinyatakan pada muka surat 39.
  - Ralat pada muka surat 20, jumlah peningkatan yuran anggota sebanyak RM1,504,110.00 bukan RM1,503,110.00 seperti yang tercatat peningkatan sebanyak 0.02%.

Laporan akaun ini hanya deraj untuk pembentangan sahaja yang akan dibincangkan oleh perwakilan pada MAPT Julai 2025.

Mesyuarat bersetuju menerima laporan tahunan dan deraj akaun koperasi dari muka surat 1 hingga muka surat 41.

**AGENDA 9: MEMBENTANGKAN BAJET TAHUN 2026 UNTUK DIBENTANGKAN DI DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN;**

- 9.1 Bendahari membentangkan bajet tahun 2026 dari muka surat 29 hingga muka surat 33.

Bajet 2026 menyasarkan keuntungan sebanyak RM4,249,929.00 daripada pendapatan RM6,955,753.00 dan perbelanjaan sebanyak RM2,705,824.00.

Mesyuarat menerima bajet tahun 2026 dari muka surat 29 hingga muka surat 33.

#### **AGENDA 10: CADANGAN PINDAAN KEPADA UUK;**

10.1 - Tiada –

#### **AGENDA 11: MELANTIK ANGGOTA PERWAKILAN;**

11.1 Pengerusi memaklumkan seramai 12 orang perwakilan Johor termasuk 2 orang ALK kekal sebagai perwakilan tahun 2024 supaya dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dalam MAPT yang dijangka diadakan pada bulan Julai tahun 2025 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti senarai berikut :-

- 11.1.1 Cikgu Ibrahim bin Marlan (26380)
- 11.1.2 Cikgu Mohd Haszam bin Mohd Husin (30670)
- 11.1.3 Cikgu Norhayati bt Md Hadri (30589)
- 11.1.4 Cikgu Muhammad Saiful Azhar b. Muhammad Safie (31582)
- 11.1.5 Cikgu Zool Husshani bin Hassim (30937)
- 11.1.6 Cikgu Mohd Sani Rasid (10500)
- 11.1.7 Cikgu Fazilah bt Md Sawai (30583)
- 11.1.8 Cikgu Nor Fadhlina binti Abu Bakar (32275)
- 11.1.9 Cikgu Siti Hawa bt Sari (35990)
- 11.1.10 Cikgu Haidir bin Abdullah (25024)
- 11.1.11 Cikgu Norhisam bin Tukiran (39472)
- 11.1.12 Cikgu Hamisah bt Kamil (39224)

#### **AGENDA 12 : MENIMBANG USUL-USUL DARI LEMBAGA DAN ANGGOTA;**

##### **12.1 USUL ALK 2025 – CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI**

Anggota Lembaga Koperasi membuat usul supaya perkara 60 (1), modal syer dipinda kepada berikut;

##### **UUK yang asal;**

- 60. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus Sahaja) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut 34 fasal

- (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat. (2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut: (a) (b) Yuran 61. seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Undang undang Kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

### **Cadangan pindaan; Modal Syer ditingkat kepada RM1,000.00**

**Rasional Meningkatkan Modal Syer Koperasi** - Modal syer merupakan antara sumber kewangan utama bagi sesebuah koperasi. Peningkatan modal syer memainkan peranan yang amat penting dalam memperkukuh kedudukan kewangan koperasi serta menjamin kelangsungan operasinya dalam jangka masa panjang. Rasional utama mengapa langkah ini wajar dilaksanakan;

**Pertama,** peningkatan modal syer dapat meningkatkan keupayaan kewangan koperasi. Modal yang mencukupi membolehkan koperasi menjalankan operasi harian dengan lebih lancar dan melaksanakan pelbagai aktiviti perniagaan serta pelaburan yang berpotensi menjana keuntungan. Ini secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan koperasi dari segi pendapatan dan aset.

**Kedua,** modal syer yang kukuh dapat mempertingkatkan daya saing koperasi di pasaran. Dengan kewangan yang lebih stabil, koperasi berupaya untuk memperluas perkhidmatan, menambah baik produk, serta meneroka peluang-peluang perniagaan baru. Contoh pertanian, perladangan (kelapa sawit). Ini penting agar koperasi dapat kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar.

Selain itu, modal yang tinggi juga membolehkan koperasi melabur dalam projek-projek pembangunan yang berskala besar serta berimpak tinggi. Ini termasuk pembelian aset tetap, pembangunan hartanah, atau usaha sama dengan entiti lain yang dapat memberi pulangan lumayan dalam jangka panjang. Pembinaan stesen minyak juga akan meningkatkan keuntungan kepada koperasi. Tambahan pula, peningkatan modal syer boleh memberi manfaat secara langsung kepada anggota koperasi. Keuntungan yang

diperoleh hasil daripada pelaburan dan operasi koperasi berpotensi untuk dikembalikan kepada anggota dalam bentuk dividen yang lebih tinggi. Ini sekali gus menggalakkan penglibatan aktif anggota dalam koperasi.

Akhir sekali, modal syer yang kukuh mengurangkan kebergantungan koperasi kepada pembiayaan luar, terutamanya pinjaman yang mungkin mengenakan kadar faedah tinggi. Ini membantu koperasi mengurus risiko kewangan dengan lebih berkesan dan mengekalkan kestabilan kewangan jangka panjang.


### **AGENDA 13: MELANTIK AHLI JAWATANKUASA KAWASAN;**

13.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan AJK Kawasan Johor terdiri dari 12 perwakilan yang telah dilantik.

### **AGENDA 14 : UCAPAN PENANGGUHAN;**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.35 pagi dengan ucapan Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin serta terima kasih kepada semua yang hadir dalam mesyuarat.

Minit dicatat oleh :



**(Izzah Izyan binti Jaafarudin)**  
***Eksekutif Pentadbiran***

Minit disahkan oleh :



**(Cikgu Ibrahim bin Marlan)**  
***Pengerusi Kawasan***